

# RM30b majukan pendidikan

Dana bagi pembangunan sekolah, biasiswa, kompleks baru

B/H 24/10/2009

**K**UALA LUMPUR: Lebih RM30 bilion untuk pendidikan rendah dan menengah diperuntukkan untuk pembangunan pendidikan termasuk untuk pelajar dan pemberian biasiswa serta pembinaan 80 sekolah baru membabitkan 5.5 juta murid di seluruh negara.

Peruntukan membabitkan sekolah kebangsaan rendah dan menengah, sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil serta sekolah mubaligh.

Selain itu, peruntukan RM1.1 billion disediakan untuk mengubahsuai dan naik taraf sekolah di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Pecahan peruntukan adalah:

- RM119 bilion untuk bayaran emolumen operasi pendidikan

- RM2.8 bilion untuk program bantuan pelajar dan biasiswa.

- RM1.6 bilion bagi membina 80 sekolah baru serta 1,100 blok tambahan dan 347 projek gantian sekolah kebangsaan rendah dan menengah, sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil serta sekolah mubaligh.

- RM1.1 bilion bagi mengubah suai dan menaik taraf



PELANGGAN di Restoran Hafiz Corner di Ampang, dekat Kuala Lumpur menyaksikan siaran secara langsung Bajet 2010 menerusi televisyen, semalam.

## FAKTA NOMBOR

# 80

## sekolah baru

Jumlah dibina babitkan 5.5 juta murid di seluruh negara

sekolah di seluruh negara.

Selain itu, empat komponen kecil akan diberi tumpuan bagi memastikan setiap rakyat menikmati pendidikan terbaik bermula peringkat asas hingga tertinggi selaras pengumuman kerajaan mengenai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang mahu meluaskan akses pen-

didikan berkualiti dan berke-mampuan. Ia termasuk:

- RM48 juta memantapkan pendidikan prasekolah.

- RM32 juta meningkatkan kadar literasi dan numerasi membabitkan murid tahun satu.

- RM20 juta mewujudkan 20 sekolah berprestasi tinggi (SBT).

REAKSI

Pendidikan



“Ini menggalakkan pelajar cemerlang dan berusaha lebih kuat. Ini amat baik kerana kita mengiktiraf dan menghormati soal kecemerlangan pelajar”

**Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin**  
Menteri Pengajian Tinggi



“Pemberian autonomi mampu meningkatkan daya kreativiti universiti, tetapi bukannya kebebasan kerana

REAKSI

Pendidikan



“Anugerah biasiswa nasional kepada 30 pelajar terbaik untuk dihantar ke universiti terkemuka dunia dapat optimumkan keupayaan individu cemerlang”

**Prof Datuk Dr Aminah Ayob**  
Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris



“Kuasa autonomi penting untuk institusi pengajian tinggi awam memajukan inovasi dijana syarikat yang mereka

ia hanya kelonggaran bersyarat yang disertakan dengan tanggungjawab"

**Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah**  
Naib Canselor Universiti Putra Malaysia



“Peruntukan RM1.1 bilion untuk menaik taraf sekolah di Sabah dan Sarawak buktikan kerajaan prihatin pendidikan semua rakyat”

**William Ghani Bena**  
Pengerusi Jawatankuasa Bersama Kesatuan/Persatuan Guru Sabah dan Sarawak

# RM100j Program Permata

**K**ERAJAAN memperuntukkan RM100 juta bagi pelaksanaan empat program Permata yang memberikan penekanan terhadap penguasaan dan pendidikan awal kanak-kanak secara bersepadu dan terancang.

Empat program itu ialah:

- Permata Negara memabitkan program asuhan dan didikan awal kanak-kanak sebelum mencapai umur lima tahun, satu garis panduan akan disediakan untuk menyelaras kurikulum, latihan dan kelayakan tenaga pendidik di semua taman asuhan kanak-kanak.

- Permata Seni memabitkan latihan pelajar pintar dan berbakat dalam bidang seni, akan dilaksanakan Kementerian Penerangan, Kebudayaan dan Komunikasi.

- Permata Pintar bertujuan membimbing pelajar yang mempunyai tahap kepintaran luar biasa untuk menjadi lebih cemerlang, ia



**PROGRAM** Permata beri penekanan pendidikan awal kanak-kanak secara bersepadu dan terancang.

akan dilaksanakan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Johns Hopkins University, Amerika Syarikat. Pengambilan kumpulan pertama akan dibuat pada 2011.

- Permata Insan pula bertujuan melatih pelajar supaya memahami, mendalami dan mengaplikasikan ilmu yang berteraskan al-Quran

dan ia akan dikendalikan Universiti Sains Islam Malaysia bagi pelajar berumur sembilan hingga 12 tahun.

Selain itu, Permata akan turut melaksanakan program Perkasa Remaja untuk melatih dan membimbing golongan berkenaan yang berumur 18 hingga 25 tahun bagi mengelakkan mereka terabit dalam gejala sosial.

## INFO

### Hargai guru besar

- Kerajaan perkenalkan New Deal atau Bai'ah Baru sebagai menghargai jasa dan prestasi pengetua serta guru besar bagi kategori sekolah menunjukkan prestasi cemerlang.

- Kerajaan akan menentukan sasaran prestasi yang perlu dicapai pengetua dan guru besar seperti dipersetujui bersama, jika ia dapat dicapai maka ganjaran berbentuk insentif kewangan dan bukan kewangan serta autonomi dalam mentadbir sekolah akan diberikan.

- Bagaimanapun, jika mereka gagal mencapai sasaran selama dua tahun berturut-turut, kerajaan akan menentukan tindakan sesuai.

- Semua ini, dilakukan atas kebertanggungjawaban untuk melahirkan generasi masa depan cemerlang.

yang mereka tubuhkan”

**Prof Datuk Dr Zaini Ujang**

Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia



“Jika guru besar gagal capai sasaran dua tahun berturut-turut ketika Bai'ah Baru, beri mereka peluang menjalani kursus khas enam bulan dan jika masih gagal, baru diminta tinggalkan sekolah”

**Roslan Madon**

Yang Dipertua Majlis Guru Besar Malaysia